

Media : Sinar Harian

Date : 24 April 2024

Ajinomoto, MAREA jalin kerjasama untuk kelestarian alam

SEREMBAN - Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) menjalin kerjasama dengan Malaysian Recycling Alliance (MAREA) bagi memperkasakan usaha ke arah memupuk amalan kelestarian alam sekitar di negara ini.

Pengarah Urusan AMB, Riichiro Osawa berkata, kerjasama itu membuktikan komitmen pihaknya terhadap pengurusan bahan pembungkusan kesemua produknya.

"Kami yakin kerjasama dengan MAREA akan mempercepatkan kemajuan kami ke arah mencapai matlamat FY 2030 iaitu sifar pelupusan sisa plastik.

"Dengan menggabungkan kekuatan dan sumber, kami boleh memacu perubahan bermakna, seterusnya menyumbang kepada masa depan lebih mampan untuk Malaysia dan seterusnya," katanya semasa Majlis Pelancaran Strategik antara AMB dan MAREA di sini pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif MAREA, Roberto Benetello.

Osawa berkata, di bawah Pelan Hala Tuju FY2030, Ajinomoto Malaysia komited



Osawa (kiri) menerima sijil pengiktirafan daripada Benetello.

untuk menjadikan 100 peratus bahan pembungkusannya boleh dikitar semula.

Justeru, jelas beliau, pihaknya mengiktiraf kepentingan proses pemulihan sebagai sebahagian Tanggungjawab

Pengeluar Lanjutan (EPR) dan komited untuk bekerjasama rapat dengan MAREA dalam bidang tersebut.

"Ia juga sejajar dengan hala tuju ditetapkan Ajinomoto iaitu mencapai sifar sisa plastik men-



Benetello (kanan) mendengar taklimat mengenai produk keluaran Ajinomoto pada Selasa.

jelang 2030.

"Dalam perjalanan kami ke arah inisiatif sisa plastik sifar, Ajinomoto Malaysia telah mula beralih kepada pembungkusan makanan mampan mesra alam dan mudah dikitar semula," katanya.

Mengakui berdepan cabaran dalam mengekalkan kualiti produk dan jangka hayatnya, Riichiro berkata, pasukan teknikalnya telah berusaha sehabis baik.

Selain itu katanya, pihaknya turut menyasarkan untuk me-

nukar pembungkusan semua produk makanan kepada boleh dikitar sem menjelang 2026.

"Ia adalah satu langka penting ke arah kejayaan ngumpulan dan kitar sem pembungkusan.

"Oleh sebab itu kami bangga bekerjasama dengan MAREA bagi memajukan inisiatif mampan kami dan menyumbang kepada faedah alam sekitar berkekal untuk masyarakat kita," katanya.